MAJLIS BANDARAYA KUALA TERENGGANU

# KENYATAAN TAWARAN

Tawaran adalah dipelawa daripada pemborong-pemborong yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia yang berkaitan dibenarkan membuat tawaran bagi kerja berikut

| TAJUK PROJEK | KOD BIDANG (KKM) | TARIKH, MASA TAKLIMAT & TEMPAT LAWATAN TAPAK | HARGA DOKUMEN |
|---|---|---|---|
| PERKHIDMATAN PENCUCIAN/PEMBERSIHAN/PELUPUSAN SAMPAH DI BANGUNAN KOMPLEKS HENTIAN BAS,GERAI PELBAGAI SEBELAH HENTIAN BAS MAJLIS BANDARAYA KUALA TERENGGANU DAN KAWASAN SEKITARNYA.<br>**(MBKT SH 129/2016)** | 220401/221001, dan 220402/221002, dan 220403/221003 | **1/12/2016 (Khamis)** 9.00 pagi<br>Pejabat MBKT, Kompleks Hentian Bas MBKT | RM20.00 |

2. Dokumen Sebutharga boleh dibeli dan makluman lanjut boleh didapati semasa waktu pejabat di **Bahagian Pengurusan Harta, Tingkat 4, Majlis Bandaraya Kuala Terengganu.**

3. **Lawatan Tapak adalah diwajibkan** dan taklimat akan disampaikan pada tarikh lawatan sebagaimana tarikh dan masa yang tercatat di atas.Kontraktor yang tidak hadir pada sesi taklimat dan lawatan tapak tidak layak mendapatkan dokumen sebutharga ini.

4. Kontraktor dikehendaki mengemukakan surat Pendaftaran Asal dengan Kementerian Kewangan Malaysia dan satu salinan yang telah disahkan hendaklah juga dilampirkan semasa pembelian Dokumen Sebutharga ini dibuat.

5. Dokumen Sebutharga akan dijual mulai pada hari Isnin, **5 Disember 2016** hingga Ahad, **11 Disember 2016** yang boleh dibuat secara Tunai/Deraf Bank/Wang Pos/Kiriman Wang Pos yang dibuat atas nama:

**"Datuk Bandar Majlis Bandaraya Kuala Terengganu"**

6. **Sebutharga ini akan ditutup pada hari Selasa, 13 Disember 2016.** Dokumen Sebutharga yang lengkap diisi hendaklah dihantar dalam sampul surat berlakri dan ditulis dengan tajuk dan no. tender berkenaan dan hendaklah dimasukkan ke dalam peti tawaran di **Bahagian Pengurusan Kontrak Dan Pelaburan, Tingkat 1, Majlis Bandaraya Kuala Terengganu** pada atau sebelum **jam 12.00 tengah hari** pada hari tersebut.

7. Majlis tidak terikat untuk menerima tawaran terendah ataupun mana-mana tawaran.

8. Kontraktor yang berjaya tetapi enggan menjalankan kerja-kerja ini selepas tawaran dibuat atau menarik balik tawaran tersebut sebelum tempoh sahlaku sebutharga tamat akan diambil tindakan ke atas pendaftarannya dan juga akan menanggung segala kos perbezaan.

( HAJI MOHD ZULKIFLI BIN ABU BAKAR )
Datuk Bandar
Majlis Bandaraya Kuala Terengganu